

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Kiyai Haji Muhammad Isa Anshari, seorang ulama Islam yang terkenal di Indonesia, di dalam pidatonya berkenaan konsepsi Sukarno menyatakan bahawa konsepsi itu sama seperti konsepsi Abu Lahab kepada Muhammad (SAW). Ertinya bahawa konsepsi itu dari orang *kuffār* kepada orang Islam yang menghendaki supaya Islam jangan menjalankan cita-citanya untuk menyampaikan seruan Tuhan. Kalau takrif ini benar sebahagian orang bertanya: Apakah Sukarno sudah murtad? Sebab hanya orang yang bukan Islam sahaja yang mahu supaya orang Islam jangan menyampaikan seruan-seruan agamanya.

* * *

Di dalam perjumpaan itu juga, Kiyai Osman mengatakan bahawa penyokong konsepsi Sukarno itu adalah terdiri daripada tukang-tukang beca di dalam rapat raksasa yang dianjurkan oleh P. N. I (K. dan P. K. I) Orang-orang itu memang mudah dikerah – hari ini mereka mengatakan sokong, esok boleh mengatakan tidak menyokong. Dengan kejadian itu orang-orang pada bertanya: Apakah mereka diupah supaya mengikut telunjuk dan kemahuan orang itu?

* * *

Tuan Haji Ali, Cif Qadi Singapura, dalam khutbah Jumaatnya telah menyatakan bahawa sekarang ada sebuah “buku yang karut” yang mengatakan haram bermazhab. Ia meminta kepada hadirin supaya mengambil berat kepada buku itu. Sesudah disiasat maka mengertilah kita bahawa buku itu ialah “Risalah al-Mazhab” yang membentangkan dalil-dalil haram bermazhab mengikut pengertian Quran dan hadis.

Di dalam buku itu diterangkan bahawa mengikut pengertian orang-orang ahli *sunnah wa al-jamā’ah* (mazhab Syafie Hanafi, Maliki, dan Hanbali) bahawa tiap-tiap seorang hendaklah mengikut kepada salah satu mazhab itu sebagai pegangan. Terbit daripada itu maka di dalam risalah itu didatangkan beberapa keterangan, bahawa ada perkara-perkara yang halal pada mazhab Syafie, haram pada mazhab Hanafi (di dalam perkara ibadat) dan begitulah seterusnya. Jadi, kata risalah itu, satu masalah dengan kerana pegangan mazhab-mazhab itu, ada dua hukumnya – satu halal dan satu haram (di dalam satu perkara). Jadi adakah hukum-hukum Tuhan itu ada dua hukumnya – boleh halal dan boleh haram? Alasan-alasan yang dibicarakan berdalil kepada *al-Qur’an* dan *al-Sunnah*.

Kalau Tuan Haji Ali hanya sekadar memperingatkan orang sahaja dan tidak memberi keterangan-keterangan maka tidak ada ertinya kepada orang-orang awam. Maka oleh itu moleklah, untuk mencari kebenaran, kita adakan muzakarah atas perkara ini di antara Tuan Haji Ali dengan pengarang risalah itu – kita akan menganjurkan dan akan bersedia mengurusnya dan bersedia meminta pengarang Risalah al-Mazhab itu datang ke Singapura berhadapan dengan Tuan Haji Ali. Bagaimana pendapat Tuan Haji Ali? Kalau mahu, tulis kepada Qalam supaya boleh majlis muzakarah itu kita adakan!

* * *

Dewan Bahasa dan Pustaka, tatkala menolak siarannya yang pertama mengenai tujuan mengadakan pameran buku-buku Melayu dan Indonesia, telah menulis surat kepada penerbit-penerbit Melayu selain dari mengenai pameran

buku-buku itu juga menganjurkan kerjasamanya dengan penerbit-penerbit Melayu dan bersedia menerima fikiran-fikiran dan pendapat-pendapat untuk menolong kesukaran dan kepayahan penerbit-penerbit Melayu. Sekali imbas tawaran kepada penerbit-penerbit Melayu itu ada baiknya, tetapi apabila dihalusi maka zahir dan nampak bahawa di belakangnya ada satu tujuan yang boleh dipandang membuat satu langkah tidak mahu mengiktiraf adanya kesatuan penerbit-penerbit Melayu.

Sepatutnya Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah meminta wakil-wakil dari Kesatuan Penerbit-Penerbit Melayu, berunding dan bertukar-tukar fikiran di dalam mengerjakan usaha-usaha di dalam perkembangan bahasa dan penerbitan, kerana walau bagaimanapun Kesatuan Penerbit-Penerbit Melayu itu adalah mendokong kongres dan warga kongres bahasa Melayu yang melahirkan Dewan Bahasa dan Pustaka itu dan telah mengeluarkan memorandumnya yang patut dikaji dan dihalusi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai satu asas cara mencari kerjasama di antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan penerbit-penerbit Melayu. Dengan cara ini tidaklah timbul tuduhan-tuduhan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka cuba menggunting dalam lipatan.

* * *

Tuan Syed Jaafar al-Bar, Setiausaha Jawatankuasa Penyiasat Sekolah-Sekolah Agama, di dalam kenyataannya menganjurkan supaya buku-buku agama dibuat atau diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebaliknya Dewan Bahasa dan Pustaka pula telah membuat langkah daripada apa yang dapat dilihat hendak memonopoli penerbitan-penerbitan yang berbahasa Melayu. Sekalipun telah ada cita-cita itu tetapi hingga sekarang tidak ada sebuah pun buku yang dapat diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau ditambah pula dengan kewajipan mengeluarkan buku-buku agama maka sudah tentu murid-murid yang ada di sekolah sekarang sudah beruban namun buku tidak dapat sempurna keseluruhannya.

Dan bahaya yang lebih besar lagi bahawa polisi yang mengenai dasar pelajaran agama itu akan “disesuaikan” dengan apa yang dikehendaki oleh pihak atas. Akhirnya - tahu sama tahulah?

* * *

Kalau kita ingat bahawa untuk menyelenggarakan buku-buku yang mengenai bahasa dan agama, kalau sebenar-benarnya dikehendaki, tidak lain dan tidak bukan Dewan Bahasa dan Pustaka itu menganjurkan: 1. Bekerjasama dengan rapat dengan semua penerbit-penerbit Melayu; 2. Memberi, petunjuk apa-apa buku atau risalah-risalah yang dikehendaki dan diminta diselenggarakan oleh penerbit-penerbit; 3. Menyiasat kedudukan dan kelemahan penerbit-penerbit Melayu di dalam menyelenggarakan tujuan-tujuan yang tersebut; 4. Mencari suatu jalan atau cara memberi pertolongan kepada penerbit-penerbit Melayu supaya dapat menyempurnakan hajat masyarakat dalam perkembangan menerbitkan buku-buku iaitu dengan membantu material kepada mereka.

Perkara-perkara yang tersebut ini sebenarnya telah diusulkan di dalam Kongres Bahasa Ketiga di dalam dua bahagian yakni bahagian yang mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka dan yang kedua mengenai dengan syor wartawan supaya perusahaan nasional (bangsa Melayu) disokong. Perlu juga dianjurkan bahawa usaha pekerjaan yang mengenai penerbitan buku-buku Melayu itu sementara kekuatan penerbit-penerbit Melayu belum cukup untuk mencetak buku-buku sama ada dari Balai Pustaka atau dari Pejabat Pelajaran kepada mereka itu diberi kuota supaya dengan perlahan-lahan mereka boleh hidup - tidak ditinggalkan sebagai keadaannya yang ada sekarang ini.

* * *

Isytihar yang dibuat oleh Tengku Abdul Rahman baru-baru ini di depan Perwakilan Umno, menjadikan agama Islam,

(sambungan di muka 49)